

18. Sava penuh yakin, dengan penerimaan Lapuran Gaji Baru Kabinet oleh pegawai dan kakitangan Kerajaan di Sarawak, proses penyatuan perkhidmatan agensi dan Jabatan yang di Persekutukan, dapat di percepatkan lagi. Dengan integerasi ini, pegawai-pegawai yang dipersekutukan, akan mempunyai peluang kenaikan pangkat yang lebih luas lagi.

Penerimaan Lapuran Gaji Baru Kabinet ini, merupakan hasil persefahaman dan perhubungan mesra, diantara Keraiaan Persekutuan dengan Keraiaan Negeri Sarawak. Dengan pelaksanaan tanggungaji sama, peraturan-peraturan perkhidmatan yang sama, maka persefahaman dan perhubungan ini, akan menjadi bertambah erat lagi.